



Soal Pemberontakan di Indonesia

En. Ahmad bin Haji Hasbullah, Batu Pahat, bertanya:

Pemberontakan yang masih berlaku di Indonesia

kerana sebahagian rakyat yang beragama Islam dalam beberapa daerah Indonesia bangun melawan pemerintah, apa hukumnya dan bagaimana cara menyelesaikannya menurut ajaran Islam?

Jawab: Masalah ini telah dikupas dengan lanjut

oleh 'ulama' Indonesia yang terkenal, *al-Fāḍil* Tuan Muḥammad

Arshad Talib Lubis, Medan, dalam sebuah bukunya

bernama "Penyelesaian Pemberontakan dan Perang Saudara

Menurut Hukum Fiqh Islam". Huraian yang berharga itu

adalah seperti berikut:

Dasar Penyelesaian

Dasar penyelesaian "Pemberontakan dan Perang

Saudara" adalah terbentang dengan jelasnya di dalam al-Qur'ān

al-Karīm:

Wa in ṭāifatāni min al-mu'minīna iqtatalū fa aṣliḥū

baynahumā fa in baḡhat ihdāhumā 'alā al-ukhrā fa qātilū al-latī

tabḡhī hattā taḡḡa ilā amri Allāhi fa in fā'at fa aṣliḥū baynahumā

bi al-'adli wa aqṣiṭū inna allāha yuḡibbu al-muṣiṭīn. Innamā al-mu'minūna

ikhwatun fa aṣliḥū bayna akhawaikum wa al-taqū Allāha la'allakum turhamūn

Ertinya: Dan kalau dua golongan orang-orang mukmin

berbunuh-bunuhan (berperang) demikianlah antara keduanya. Maka

kalau salah satu di antara keduanya berlaku zalim

terhadap yang lain, perangilah kamu akan golongan yang

berlaku zalim hingga ia kembali kepada perintah Allah. Kalau

ia telah kembali maka demikianlah keduanya dengan adil.

Berlaku adillah kamu. Sesungguhnya Allah suka akan

orang-orang yang berlaku adil. Bahawasanya orang-orang mukmin

itu bersaudara, maka demikianlah antara saudara-saudara kamu

dan takutlah kepada Allah, moga-moga kamu beroleh rahmat.

(9-10, *al-Hujurāt*)

Tafsir ibn Jarīr al-Ṭabarī

Ahli tafsir yang terkenal, ibn Jarīr al-Ṭabarī

menghuraikan ayat ini seperti berikut:

Kalau dua golongan orang-orang mukmin berbunuh-bunuhan

(berperang) maka wahai orang-orang yang mukmin, demikianlah

dengan mengajak mereka kepada hukum yang tersebut dalam

kitab Allah dan menerima dengan senang hati apa yang tersebut

padanya, baik yang menguntungkan mahu pun yang mengalahkan

itulah yang dinamakan mendamaikan antara keduanya dengan

adil. Kalau golongan yang berlaku zalim itu enggan menerima

hukum yang tersebut dalam kitab Allah, dan dilanggarnya

keadilan yang dijadikan Allah untuk makhluknya itu, sedang

golongan yang lain mahu menerimanya, maka golongan yang

berlaku zalim itu hendaklah diperangi sehingga mereka

rujuk kepada perintah Allah yang telah diterangkan di dalam kitab-Nya,

dan yang wajib berlaku dalam kalangan makhluk-Nya...

(*Tafsīr al-Ṭabarī* 26:73).

Tafsir ibn 'Abbās:

Ibn 'Abbās menerangkan tafsir ayat tersebut seperti

berikut:

... sesungguhnya *Allah subhānahu wa Ta'ālā* telah memerintahkan kepada *Nabi ṣallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam* dan kepada orang-orang mukmin apabila dua golongan orang-orang mukmin berbunuh-bunuhan (berperang) hendaklah mereka diajak kepada hukum Allah dan dijalankan dengan adil. Kalau mereka bersedia menerima ajakan itu hendaklah dilakukan keputusan terhadap mereka menurut hukum yang tersebut dalam kitab Allah supaya orang yang teraniaya mendapat keadilan daripada yang menganiaya. Barang siapa di antara mereka yang tiada bersedia menerima ajakan itu, maka dialah penderhaka. Berhaklah imam orang Islam (ketua pemerintahan orang-orang Islam) memerangi mereka hingga mereka rujuk kepada perintah Allah dan mengakui hukum Allah *'Azza wa jalla*. (Tafsīr al-Ṭabarī 26:73)

Kesimpulan maksudnya:

Ayat yang tersebut itu menjadi pedoman dan pertunjuk bagi umat Islam dalam melakukan penyelesaian jika terjadi perselisihan antara dua golongan Islam yang berperang dan berbunuh-bunuhan. Menurut ayat tersebut, orang-orang Islam hendaklah melakukan seperti berikut:

Pertama: Wajib mendamaikan kedua golongan itu dengan mengadakan perundingan. Mereka diajak berdamai dan rujuk kepada hukum yang tersebut dalam kitab Allah. Hendaklah hukum Allah itu dijadikan dasar dalam perundingan perdamaian itu. Masing-masing hendaklah tunduk kepadanya.

Kedua: Kalau perdamaian telah diusahakan sedang di antara dua golongan itu ada yang tiada bersedia menerima perdamaian yang berdasarkan hukum Allah tersebut, maka golongan itu dipandang telah berbuat zalim terhadap golongan

yang lain. Wajiblah mereka diperangi hingga rujuk kepada perintah Allah, iaitu bersedia menerima perdamaian yang berdasarkan hukum yang tersebut dalam kitab Allah.

Ketiga: Apabila mereka bersedia rujuk kepada perintah Allah, wajiblah kedua golongan itu didamaikan kerana ialah saudara-saudara kita.

Pemberontakan dan Perang Saudara

Ayat yang tersebut, ulama fiqh telah menjadikannya dasar yang mesti diturut dalam melakukan penyelesaian, pemberontakan atau perang saudara yang terjadi dalam kalangan kaum Muslimin. Ada pun perbezaan antara “pemberontakan” dengan “perang saudara” adalah sebagai berikut.

Terlebih dahulu seyogianya disebut, bahawa perkataan “pemberontak” dalam tulisan ini adalah dipakai bagi memaknakan perkataan “*al-baghāh*” dalam kitab fiqh. Makna yang asli bagi perkataan “*al-baghāh*” itu ialah: “Orang-orang yang berbuat zalim dan menceroboh” sedang takrif “berontak” atau “*al-baghī*” menurut istilah fikah ialah: “melepaskan diri daripada taat terhadap *al-imām al-a'zim* yang berjawatan sebagai ganti Nabi untuk mengawal agama dan siasah dunia” (lihat al-Tuḥfah 9:75)

Al-imām al- a'zim ertinya imam atau ikutan yang besar sekali. Maksud *al-imām al-a'zim* di sini ialah kepala atau Yang Dipertua negara Islam. Dan kepala negara Islam itu bertugas sebagai pengganti (khalifah) Nabi bagi mengawal agama dan siasah dunia, dengan menjalankan hukum-hukum Islam dalam pemerintahannya. Kaum pemberontak ialah orang-orang yang melepaskan diri daripada taat kepada kepala

negara Islam itu. “Melepaskan diri daripada taat” maksudnya bukan hanya tiada mengakuinya sebagai kepala negara tetapi termasuk juga tiada taat kepada pemerintahnya atau tiada taat menunaikan kewajipan yang ditanggungkan kepadanya sedang ia masih tetap mengakuinya sebagai kepala negara. (*al-Bajramīyy* 4: 180)

Berdasarkan takrif “berontak” yang tersebut, mestilah wujud lebih dahulu sebuah negara Islam yang mempunyai *Al-imām al-a‘zim* baharulah boleh terdapat suatu golongan yang disebut “pemberontak” atau “*al-baghāh*”. Golongan tersebut tiada akan didapati dalam sebuah negara yang bukan negara Islam. Kaum yang tiada taat terhadap kepala negara yang bukan negara Islam tiada dinamakan pemberontak jika ada pertempuran yang terjadi antara sesama kaum Muslimin, maka pertempuran itu hanya dapat dinamakan perang saudara, iaitu perang satu “*ṭā’ifah*” dengan satu “*ṭā’ifah*” menurut sebutan al-Qur’ān Surah Al-Hujurāt ayat 9 yang lalu.

Maka peperangan dan pertempuran yang tersebut di bawah ini adalah termasuk dalam golongan “perang saudara” namanya:

Peperangan dan pertempuran yang terjadi antara segolongan kaum Muslimin dengan segolongan yang lain yang sama-sama jadi penduduk dalam sebuah negara, baik negara Islam atau tidak.

Peperangan dan pertempuran yang terjadi antara kaum Muslimin yang jadi penduduk sesebuah negara dengan kaum Muslimin yang jadi penduduk sebuah negara yang lain, sedang kedua negara itu tiada berperang.

Peperangan dan pertempuran yang terjadi antara segolongan kaum Muslimin dengan segolongan yang lain yang jadi penduduk dua negara kerana negaranya berperang, baik keduanya negara Islam atau tidak.

Peperangan dan pertempuran yang terjadi antara segolongan kaum Muslimin melawan segolongan kaum Muslimin yang jadi tentera dan pembela suatu pemerintah yang bukan negara Islam.

Semua peperangan dan pertempuran yang tersebut di atas ini adalah termasuk di dalam bahagian “perang saudara”.

Orang yang tiada taat ada bermacam-macam

Golongan orang yang tiada taat terhadap kepada *al-imām al-a‘zim* ada bermacam-macam menurut istilah ilmu fiqh dan cara penyelesaiannya juga berlain-lainan. Ulama fiqh menetapkan beberapa syarat yang harus jadi perhatian. Golongan yang cukup syaratnya lain cara penyelesaiannya daripada golongan yang tiada cukup syaratnya. Syarat-syarat itu ialah:

1. Mempunyai *shawkah*.

2. Mempunyai *al-Ta’wīl*

yang dapat diterima.

Shawkah ertinya kekuatan. Mempunyai *shawkah* maksudnya mempunyai kekuatan kerana mereka mempunyai pemimpin yang ditaati dan jumlahnya banyak, atau kerana mempunyai pertahanan yang kuat yang dapat melawan pemerintah sehingga pemerintah bersusah payah mengalahkan dan mengembalikannya kepada taat. Kaum yang tiada taat yang mempunyai kekuatan seperti yang tersebut itu, dinamakan mempunyai “*shawkah*”.

Ta'wīl pula maksudnya alasan yang menyebabkan mereka

tiada taat tetapi alasan itu pada hakikatnya tiada tepat.

Sebenarnya mereka salah faham. Mereka memandang pihak pemerintah berbuat salah kerana ada hal-hal yang menyamakan pengertian mereka sedang sebenarnya pemerintah tiada salah. Maka dengan tindakannya itu mereka sebenarnya mempunyai niat yang baik, iaitu hendak mengubah perbuatan yang mungkar, dan jahat dengan tangan sesuai dengan sabda Nabi Muḥammad *ṣallā Allāh 'alayhi wa ālihī wa sallam* yang mengatakan: “Barang siapa di antara kamu melihat yang mungkar, hendaklah diubahnya dengan tangannya.....” (riwayat Muslim). Jika kesalahan faham dan pengertian itu patut terjadi dan nampak sebabnya, dinamakan mereka mempunyai *ta'wīl* yang dapat diterima.

Misalnya kita ambil “Pemberontakan al-Jamāl”

yang dipimpin oleh Saidatina ‘Ā’isyah, isteri Nabi Muḥammad (S.A.W) dan “Pemberontakan Ṣiffīn” yang dipimpin oleh Mu‘āwiyah. Mereka telah memberontak terhadap Sayidina ‘Āli yang menjadi Khalifah atau *al-imām al-a’zim* dengan alasan bahawa Sayidina ‘Āli telah mengetahui siapa orang-orang yang telah membunuh Sayidina Uthman (khalifah yang ketiga) tetapi Sayidina ‘Āli tiada mahu menuntunya kerana ia turut bersubahat dalam pembunuhan itu. Dengan alasan (*ta'wīl*) tersebut mereka bertindak melakukan pemberontak terhadap khalifah: Sayidina ‘Āli pada hal kejadian yang sebenarnya tidak seperti yang mereka sangkakan itu. Sebenarnya sangkaan mereka yang tersebut telah tersalah. (*al-Muḥalla* 4: 170, *Asnā al-Muṭṭalib* 4: 112, *al-Bajramīyy* 4: 182 dan lain-lainnya). Pemberontak yang mempunyai “*shawkah*” dan “*ta'wīl*” yang dapat diterima itu disebut pemberontak yang cukup syaratnya. Terhadap mereka telah diatur cara penyelesaiannya dalam kitab fiqh sebagaimana yang akan diterangkan.

Penyelesaian Pemberontakan

Jika terjadi pemberontakan yang cukup syaratnya sebagaimana yang telah diterangkan di atas, hendaklah dilakukan penyelesaian seperti berikut:

1. Pemberontak wajib lebih dahulu mengutus orang yang kepercayaan menanyakan apa yang tiada disukai mereka sehingga menyebabkan mereka tiada taat. Dan mengutus orang yang bijak jika dalam kejayaan itu terdapat perkara-perkara yang mustahak dibahaskan.
2. Jika mereka menerangkan sesuatu perbuatan yang zalim atau sesuatu sebab yang menjadikan mereka salah pengertian, hendaklah pemerintah menghindarkan perbuatan yang zalim itu atau memperbaiki salah pengertian tersebut. Jika mustahak, boleh mengadakan perbahasan dan bertukar fikiran bagi menghindarkan kesalahan pengertian itu.
3. Apabila perbuatan yang zalim itu telah dihapuskan atau salah pengertian itu telah diperbaiki dengan mengadakan pertukaran fikiran dan sebagainya, sedang mereka tiada juga bersedia taat, hendaklah dinasihati lebih dahulu. Jika mereka tiada juga bersedia taat, wajiblah diisytiharkan perang atas mereka.
4. Dan apabila mereka tiada juga bersedia taat setelah pengisytiharan perang tersebut, wajiblah diperangi sehingga mereka tunduk dan taat kembali. Sebelum mengirim utusan kepada mereka sebagaimana yang diterangkan di atas, maka haramlah memerangi mereka. (*Asnā al-Muṭṭalib* 4: 114, *al-Muḥalla*

4: 171, tafsir *Lubab al-Al-Ta'wīl* Surah *al-Hujūrāt*

ayat 9-10, *al-Tuḥfah* 9: 70 dan lain-lain).

Penyelesaian Jiwa Dan Harta Benda Yang Penuh Ranah

Apabila pemberontakan telah dapat dipadamkan, maka segala sesuatu yang rosak dan orang-orang yang terkorban dalam pertempuran-pertempuran yang terjadi tiada boleh dituntut dan tiada wajib diganti, baik yang dirosakkan oleh pihak pemberontak mahupun yang dirosakkan oleh pihak pemerintah. Kerosakan-kerosakan yang dilakukan di luar keperluan perang boleh dituntut. Dengan melakukan penyelesaian sebagaimana yang tersebut itu akan lebih mudahlah mengajak kaum pemberontak menyerah dan taat kembali. (*al-Ahkām al-Sulṭāniyyah* 40, *Lubab al-Al-Ta'wīl* Surah *al-Hujūrāt* ayat 9-10, *al-Muḥalla* 4: 171, *Asnā al-Muṭṭalib* 4: 112 dan lain-lain)

Haram Meminta Pertolongan Orang Kafir

Meminta pertolongan orang yang tiada beragama Islam bagi memerangi pemberontak yang cukup syaratnya, hukumnya haram. Di dalam *Asnā al-Muṭṭalib* 4: 115 ada disebutkan:

“Haram meminta bantuan orang kafir bagi mengalahkan mereka walaupun kafir *dhimmi*, kerana tiada halal memberi kekuasaan bagi orang kafir untuk mengalahkan kita (orang Islam). Firman Allah *Ta'ala* (ertinya): “Dan tiada sekali-kali dijadikan Allah suatu jalan pun bagi orang-orang kafir untuk mengalahkan orang mukmin”.

Pemberontak Tiada Dinamakan Fasik

Pemberontak yang cukup syaratnya tiada dinamakan fasik.

Di dalam *Asnā al-Muṭṭalib* 4: 112, ada dinyatakan:

“Dan tiadalah mereka dikatakan fasik sebagaimana mereka tiada dikatakan kafir kerana dalam tindakan tiada taat itu mereka mempunyai *ta'wīl* yang membolehkan berbuat demikian menurut keyakinannya, hanya mereka tersalah”.

Lebih lanjut menurut pandangan ilmu fiqh, tiadalah perkataan berontak itu nama celaan jika dilakukan oleh golongan yang cukup syaratnya. Di dalam *Asnā al-Muṭṭalib* 4: 122 ada dinyatakan: “Dan tiadalah nama berontak itu tercela”. Oleh kerana itu hadis-hadis yang menyatakan perbuatan berontak itu tercela adalah ditujukan kepada pemberontakan dan ketiadaan taat yang dilakukan oleh golongan yang tiada cukup syaratnya, iaitu pemberontakan yang tiada berta'wīl atau berta'wīl tetapi nyata salahnya. Kerana itu tiada menghairankan jika dalam bahagian-bahagian lain dalam tulisan ini dapat dibaca beberapa orang terkemuka telah pernah memimpin pemberontakan. *Ummu al-Mu'minīn* 'Ā'isyah isteri Nabi pernah memimpin pemberontakan, Mu'āwiyah seorang sahabat Nabi pernah memimpin pemberontakan, Sayidina Husayn, cucu Nabi pernah memimpin pemberontakan. Demikian juga ibn al-Zubayr seorang sahabat Nabi yang terkemuka pernah juga memimpin pemberontakan.

Pemberontak menurut Sayidina Ali

Pemberontakan telah terjadi pada zaman Sayidina 'Āli menjadi khalifah. Pemberontakan itu terkenal dalam sejarah Islam dengan nama “Pemberontakan al-Jamal”. Yang dipimpin oleh Saidatina 'Ā'isyah isteri Nabi Muḥammad *Sallā Allāh 'alayhi wa ālihī wa sallam*. Telah berlaku juga “Pemberontakan Ṣīffin” yang dipimpin oleh Mu'āwiyah. Orang telah bertanya kepada Sayidina 'Āli mengenai kaum pemberontak itu. Pertanyaan mereka dan jawapan Sayidina 'Āli adalah seperti berikut:

“Adakah mereka (golongan pemberontak) dipandang mushrik (kafir)? Jawab Saidina ‘Āli: Tidak! Bahkan mereka orang-orang yang lari dari syirik (kufur) itu. Ditanya lagi: Adakah mereka orang-orang munafik? Jawabnya: Tidak! Orang munafik hanya sedikit mengingat Allah. Ditanya orang lagi: Kalau begitu apakah hal mereka? Jawabnya: Mereka ialah saudara-saudara kita yang memberontak terhadap kita.” (*Lubab al-Ta’wīl*, Surah *al-Hujūrāt*, ayat 9 -10).

Penyelesaian Golongan Yang Tiada Memenuhi Syarat

Selain daripada golongan yang tiada taat yang memenuhi syarat sebagaimana diterangkan di atas, terdapat pula golongan yang tiada taat yang tiada memenuhi syarat tersebut:

1. Golongan yang mempunyai “*shawkah*” tetapi tiada mempunyai *ta’wīl* kerana mereka nyata pada pihak yang benar, sedang pemerintah nyata pada pihak yang salah.

Dalam pada itu ada lagi golongan yang mempunyai *shawkah* dan tiada mempunyai *ta’wīl*, iaitu kebalikan yang tersebut di atas. Pemerintah nyata pada pihak yang benar sedang mereka nyata pada pihak yang salah. Penyelesaian golongan bahagian yang pertama hendaklah dilakukan dengan jalan pemerintah kembali taat kepada kebenaran. Tiada boleh memerangi mereka kecuali jika mereka tiada juga sedia taat setelah pemerintah kembali kepada kebenaran itu. Penyelesaian golongan yang kedua, pemerintah boleh bertindak dengan jalan apa yang patut bagi menundukkan mereka dan jika mustahak boleh memeranginya, kerana golongan yang tersebut ialah orang-orang yang jadi penentang kebenaran. Akan tetapi jika kedua golongan itu telah dapat ditundukkan kembali,

maka penyelesaian harta benda yang rosak dan nyawa yang terkorban hendaklah dilakukan seperti penyelesaian golongan yang cukup syaratnya.

2. Golongan yang tiada mempunyai *shawkah* dan tiada mempunyai *ta’wīl* kerana mereka hanya golongan-golongan kecil tetapi mereka nyata pada pihak yang benar dan pemerintah pada pihak yang salah. Dalam pada itu ada lagi golongan yang tiada mempunyai *shawkah* dan tiada mempunyai *ta’wīl* iaitu kebalikan yang tersebut di atas. Pemerintah nyata pada pihak yang benar dan mereka pada pihak yang salah. Misalnya mereka hanya kumpulan-kumpulan kecil yang menjadi penyamun dan pengacau keamanan. Dalam melakukan penyelesaian golongan-golongan yang tersebut pemerintah boleh mempergunakan kekuasaannya bagi menundukkan mereka. Jika ada sesuatu tindakan mereka yang merugikan, misalnya nyawa yang terkorban, hak milik yang rosak dan sebagainya, wajib mempertanggungjawabkannya kepada mereka sebagaimana yang semestinya. (*Asnā al-Muṭṭalib* 4: 113, *al-Mughnī* 4: 118 dan lain-lain).

Bersambung

(Demikian sebahagian daripada jawapan Tuan al-Ustādh Muhammad Arshad Talib Lubis, Medan, mengenai masalah ini, sebagaimana yang dihuraikannya dengan panjang lebar dalam bukunya: “Penyelesaian Pemberontakan Dan Perang Saudara Menurut Hukum Fiqh Islam”. Sambungan jawapannya akan kami siarkan pada bilangan yang akan datang, iaitu kupasannya yang lebih lanjut mengenai: “Hukum Melakukan Pemberontakan”, “Pemberontakan Di Indonesia” dan segala masalah yang bersangkutan dengannya – Abu al-Mokhtar).